UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PEJABAT BURSAR
*BURSAR'S OFFICE*

Rujukan Kami : UPM/BEN/S4-2/Bhg.7(07)

Tarikh : 12 Februari 2014

**PEKELILING BURSAR BIL. 2 TAHUN 2014**

**Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2015**

**Tujuan**

1. Tujuan pekeliling ini ialah untuk memberi panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2015.

**Latarbelakang**

2. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2014, UPM dikehendaki mengemukakan cadangan perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2015 kepada Agensi Pusat tidak lewat daripada 1 April 2014.

**Senario Ekonomi**

3. Ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 4.5% pada tahun 2013. Dijangka sasaran akan mencapai pada kadar 4.5% hingga 5.0% bagi keseluruhan tahun 2013 berdasarkan momentum kegiatan ekonomi domestik yang terus rancak dan peningkatan semula aktiviti eksport dalam tempoh suku keempat 2013. Pada tahun 2014, prospek ekonomi negara diunjur pada kadar



Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
603-8946 6208 603-8948 4686/ 8656 0160 http://www.bursar.upm.edu.my

5.0% sehingga 5.5% pada tahun 2014. Manakala peratusan defisit imbangan Kerajaan Persekutuan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) disasarkan mengecil kepada 3.5% pada tahun 2014, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan defisit fiskal dalam lingkungan 3% pada tahun 2015.

4. Sehubungan ini, Pegawai Pengawal perlu memastikan kawalan terhadap perbelanjaan mengurus diperketatkan melalui pengurangan perbelanjaan kurang kritikal, mengelakkan pembaziran dan memastikan pengurusan kewangan yang cekap.

**Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan 2015 di bawah Bajet Berasaskan Outcome**

5. Tahun 2015 adalah tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMKe-10). PTJ perlu menilai tahap pencapaian dan mengenalpasti keberhasilan yang masih belum tercapai sepenuhnya sebagai panduan merangka prestasi tahun 2015. Kerangka keberhasilan PTJ hendaklah menumpu kepada *core business* Universiti dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut :-

5.1 Masalah/keperluan pelanggan/*stakeholder*

5.2 *Outcome* yang hendak dicapai harus munasabah dan dapat menangani masalah/keperluan pelanggan serta boleh diukur menggunakan KPI yang bersesuaian

5.3 *Outcome* yang dikenalpasti sejajar dengan *outcome* Universiti (rujuk salinan Pelan Strategik UPM 2014-2020)

6. Kerajaan telahpun mengeluarkan satu Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2012 – Bajet Berasaskan Outcome yang menggariskan dasar dan kaedah melaksanakan Bajet Berasaskan Outcome (Outcome Based Budgetting-OBB) menggantikan Sistem Belanjawan Diubahsuai (Modified

Budgetting System – MBS). Pendekatan menyeluruh di bawah OBB meliputi proses bersepadu daripada penyediaan kerangka keberhasilan kepada penyediaan anggaran peruntukan tahunan, penyediaan pelan pemantauan dan penilaian dan pelaporan prestasi program Universiti.

**Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus**

7. Bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk mengurus defisit secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam adalah berteraskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi dan nilai wang ( *value for money* ), Ketua PTJ diminta mengamalkan pengurusan fiskal berhemat dengan melaksanakan program dan aktiviti secara paling cekap, ekonomik dan berkesan. Antara perkara yang perlu diberi perhatian di dalam menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus adalah:-

| Perkara | Tindakan |
|---|---|
| Perbelanjaan hendaklah disediakan mengikut keutamaan berdasarkan sumbangan kepada *outcome* nasional secara cekap dan berkesan | Semua PTJ |
| pertindihan fungsi di dalam Universiti mahupun antara PTJ perlu dielakkan sama sekali | Semua PTJ |
| memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi | Semua PTJ |
| memastikan peruntukan emolumen disediakan secukupnya bagi pegawai tetap | Pejabat Pendaftar, Pejabat Bursar |
| memastikan peruntukan upahan disediakan secukupnya bagi pegawai kontrak/khidmat singkat yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000 | Semua PTJ dan Pejabat Bursar |
| Memastikan program dan aktiviti berkaitan Pelan | Semua PTJ |

| | |
|---|---|
| Strategik , Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Program Transformasi Kerajaan 2.0, Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) dan National Blue Ocean Strategy (NBOS) disediakan peruntukan yang mencukupi | |
| penyenggaraan aset termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan diberi keutamaan | PPPA dan PTJ |
| mengambilkira faktor keupayaan PTJ untuk melaksanakan program atau aktiviti | Semua PTJ |
| mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuatkuasa berkenaan pengawalan perbelanjaan awam khususnya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2013, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 | Semua PTJ |

8. Peruntukan Dasar Sedia Ada

Peruntukan Dasar Sedia Ada 2015 adalah berdasarkan maklumat mengenai perbelanjaan komited (*Commitment*) bagi tahun 2014.

9. Dasar Baru

Bagi permohonan Dasar Baru, perkara-perkara yang perlu diberi perhatian adalah :-

9.1 permohonan Dasar Baru telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri atau atau lain-lain keputusan kerajaan/Agensi Pusat

sebelum permohonan peruntukan dikemukakan (salinan kelulusan aktiviti perlu dikemukakan bersama dengan permohonan) ; dan

9.2 nilai Threshold ditolak daripada setiap cadangan perbelanjaan Dasar Baru. (Nilai threshold bagi UPM adalah RM150,000 - surat Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan bertarikh 27 Januari 2001).

10. *One-Off*

Bagi permohonan *One-Off* pula, perkara-pekara yang perlu diberi perhatian adalah:-

10.1 Keputusan/ kelulusan oleh sekurang-kurangnya Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) disertakan;

10.2 permohonan untuk penggantian sesuatu aset perlu disertakan permohonan pelupusan untuk aset tersebut;

10.3 permohonan aset baru perlu mempunyai justifikasi dari segi fungsi dan penempatan aset tersebut ; dan

10.4 keupayaan melaksanakan perolehan tersebut selaras dengan Pekeliling Bendahari Bil 2 Tahun 2010 berkenaan bayaran bekalan/perkhidmatan dan kerja

10.5 nilai Threshold ditolak daripada setiap cadangan perbelanjaan One-Off. (Nilai threshold bagi UPM adalah RM150,000 - surat Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan bertarikh 27 Januari 2001).

11. Peruntukan Perjalanan Luar Negara

Ketua PTJ juga adalah diminta untuk menyediakan senarai cadangan perjalanan ke luar negara. Perjalanan tugas rasmi ke luar negara hendaklah dihadkan kepada persidangan dan mesyuarat antarabangsa yang penting sahaja.

12. Laporan Pengecualian

Ketua PTJ juga adalah diminta untuk menyediakan laporan pengecualian sekiranya prestasi PTJ melebihi atau kurang daripada varian yang ditetapkan.

13. Perjawatan

Pendekatan NBOS hendaklah diaplikasikan dalam semua urusan perjawatan melalui kaedah pengurangan (reduce), saiz perkhidmatan awam dan kos operasi perkhidmatan awam, penghapusan (eliminate) fungsi bertindih, peningkatan (raise) produktiviti melalui perekayasaan proses kerja dan penciptaan (create) struktur organisasi yang lebih fleksibel juga akan diteruskan.

Penyusunan semula struktur organisasi akan berteraskan keberhasilan strategik ke arah organisasi yang dinamik, kejat, terbuka, tangkas dan berkeupayaan tinggi. Pendekatan sistem kerja secara matriks dan kerja secara berpasukan (team based) dan pengalihdayaan akan diperluaskan. Bagi menangani karenah birokrasi, struktur organisasi yang lebih mendatar (flatter organization) turut diperkenalkan. Struktur mendatar ini juga dapat mengurangkan budaya kerja secara silo (work in-silo) selain daripada mencipta saluran pembelajaran (learning channel) yang lebih cekap.

**Penyampaian Cadangan Perbelanjaan Mengurus (Tahun 2015)**

14. Penyediaan Cadangan Perbelanjaan hendaklah mengikut format-format yang dilampirkan seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Perjanjian Program yang telah ditandatangani oleh Ketua PTJ/ wakil sebagai Pegawai Pengawal | **SOK/KEW/DF001/BJT** |
| (ii) | LAMPIRAN A-E<br>Ringkasan Cadangan Dasar Baru, ABM-5(i) dan ABM-7(BB)(i) , Ringkasan Cadangan Dasar *One-Off*, ABM-5(ii) dan ABM-7(BB)(ii) dan Cadangan Perjalanan Ke Luar Negara | **SOK/KEW/DF002/BJT** |
| (iii) | LAMPIRAN F<br>Borang ABM-8 bagi permohonan jawatan baru (kedudukan jawatan semasa dan unjuran staf hendaklah disertakan) | **SOK/KEW/DF004/BJT** |
| (Iv) | Pelan Strategik UPM 2014-2020 | |

15. Sila layari laman web **http://www.bursar.upm.edu.my** untuk format permohonan. Untuk makluman Y.Bhg.Datuk/Dato'/Datin Paduka/tuan/ puan, Cadangan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 tidak perlu lagi diinput ke dalam Sistem Maxiplan seperti tahun terdahulu. Permohonan dibuat dalam format Excel dan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada **17 Mac 2014** dalam bentuk softcopy dan hardcopy kepada :

15.1 zon/seksyen kewangan PTJ masing-masing; dan

15.2 Seksyen Belanjawan, Pejabat Bursar.

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Belanjawan, Pejabat Bursar di talian 8946 6207/ 8946 6216.

16. Kerjasama Y.Bhg.Datuk/Dato'/Datin Paduka/tuan/ puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERILMU BERBAKTI"**

Yang menjalankan tugas,

**(Zulkiflee Bin Othman)**
**Bursar**

***Edaran:***

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU

Keperluan aset baru ▼ Jenis Aset

Tahun 2015

Lampiran A

**CADANGAN DASAR ONE-OFF**
**(KEPERLUAN ASET BARU)**

1 **PUSAT TANGGUNGJAWAB:**
2 **KOD PTJ**
3 **PROGRAM:** **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
4 **AKTIVITI:** Bangunan dan pembaikan bangunan ▼
5 **TAJUK CADANGAN:**

| Bil. | Alat/Kelengkapan | Bilangan Diminta (Unit/Aset) | Harga Seunit (RM) | Jumlah Harga (RM) | Justifikasi |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | -<br>-<br>-<br>- | |
| | **Jumlah Besar** | | | - | |

TAHUN 2015
PUSAT TANGGUNGJAWAB
KOD PTJ
AKTIVITI P28400 Penyelenggaraan jentera

**Lampiran B**

**BUTIR-BUTIR ANGGARAN KERJA PENYELENGGARAAN**

| BIL | KETERANGAN | BUTIR-BUTIR KERJA | ANGGARAN KOS(RM) |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | JUMLAH | | - |

Tahun : 2015
PTJ :

**LAMPIRAN C**

**CADANGAN ONE-OFF BAGI PERJALANAN KE LUAR NEGARA TAHUN 2015**

PUSAT TANGGUNGJAWAB :

KOD PTJ:

| BIL | TUJUAN | TEMPAT URUSAN/ TARIKH | PESERTA (MENGIKUT GRED) | BIL | PERJALANAN | | PENGINAPAN | | | ELAUN MAKANAN | | | YURAN PENYERTAAN | ANGGARAN JUMLAH KOS (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | TAMBANG | JUMLAH | KADAR | HARI | JUMLAH | KELAYAKAN | HARI | JUMLAH | | |
| | | | | | | - | | | - | | | - | | - |
| | | | | | | - | | | - | | | - | | - |
| | | | | | | - | | | - | | | - | | - |
| | **KESELURUHAN JUMLAH** | | | | | - | | | - | | | - | - | - |

ABM5 (LAMPIRAN D)

**FORMAT BAGI CADANGAN DASAR BARU/*ONE-OFF***

1 AGENSI : KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2 Pusat Tanggungjawab :

3 KOD PTJ :

4 AKTIVITI : Pengajaran

5 DASAR Dasar Baru

6 TAJUK CADANGAN

| **5. BUTIR PERBELANJAAN** | Peruntukan Tahun 2013 (RM) | Peruntukan Tahun 2014 (RM) | Peruntukan Tahun 2015 (RM) |
|---|---|---|---|
| EMOLUMEN | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| ASET | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN | 0.00 | 0.00 | 0.00 |
| **JUMLAH** | 0.00 | 0.00 | 0.00 |

| **6. KEPERLUAN JAWATAN** | Jawatan Diluluskan Tahun 2013 | Jawatan Diluluskan Tahun 2014 | Jawatan Dipohon Tahun 2015 |
|---|---|---|---|
| ANGGOTA PENTADBIRAN & LANTIKAN UNDANG-UNDANG | | | 0 |
| KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI | | | 0 |
| KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | | | 0 |
| KUMPULAN SOKONGAN | | | 0 |
| JUMLAH | - | - | 0 |

**7.PENJELASAN DASAR BARU/ONE OFF**

<u>Objektif</u>

Sebab-sebab Diperlukan

Implikasi Sekiranya Permohonan Tidak Diluluskan

Dasar : Dasar Baru

**LAMPIRAN E**

**ANGGARAN PERBELANJAN MENGURUS TAHUN BARU MENGIKUT OBJEK AM DAN OBJEK SEBAGAI**
**MAKSUD BEKALAN : B49 KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**
**PROGRAM : UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Pusat Tanggungjawab :
Kod PTJ :

| Objek Am/ Objek | Deskripsi Objek Am / Objek Sebagai [1] | Peruntukan Termasuk Tambahan 2012 [2] | Perbelanjaan Sebenar Tahun 2013 [3] | Peruntukan Asal Tahun 2014 [4] | Anggaran Dipohon Tahun 2015 [5] | Beza Anggaran Tahun 2014 Dengan Tahun 2015 [5]-[4] | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | [7] | [8] |
| | | RM | RM | RM | RM | RM | % |
| 11000 | Gaji dan Upahan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 12000 | Elaun Tetap | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 13000 | Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14000 | Elaun Lebih Masa | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15000 | Faedah-faedah Kewangan Yang Lain | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10000 | EMOLUMEN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 21000 | Perbelanjaan Perjalanan & Sarahidup | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 22000 | Pengangkutan Barang-Barang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 23000 | Perhubungan dan Utiliti | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2[illegible] | Sewaan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 25000 | Bahan-Bahan Makanan dan Minuman | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 26000 | Bekalan Bahan Mentah & Bahan Untuk Penyelenggar | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 27000 | Bekalan dan Bahan-Bahan Lain | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 28000 | Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 29000 | Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dib | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 20000 | PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 31000 | Tanah dan Pembaikan Tanah | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 32000 | Bangunan dan Pembaikan Bangunan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 33000 | Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 34000 | Kenderaan dan Jentera | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 35000 | Harta Modal-Harta Modal Yang Lain | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 36000 | Binatang Pokok dan Benih | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 37000 | Pinjaman | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 38000 | Pelaburan Pembinaan Dalam Kemajuan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 30000 | ASET | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 41000 | Biasiswa,Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 42000 | Pemberian dalam negeri | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4[illegible] | Pemberian ke luar negeri | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 44000 | Tuntutan Insuras dan Pampasan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 45000 | Faedah Dividen & Kenaan Bayaran Hutang Negara Ya | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 46000 | Pencen | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 47000 | Ganjaran | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 40000 | PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 51000 | Pulangbalik dan Hapuskira | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 52000 | Cukai Dan Pelbagai | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 50000 | PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | JUMLAH | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | HASIL SUMBER DALAMAN | | | | | | |
| | GERAN KERAJAAN | | | | | | |

Tahun : 2015

Bidang : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

Kump Perkhid : Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Pusat Tanggungjawab :

Kod PTJ :

LAMPIRAN F

SOK/KEW/DF002/BJT

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2014

JUSTIFIKASI JAWATAN BARU

| | |
|---|---|
| 1 MAKSUD : B49 KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI | 2 AGENSI: UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA |
| 3 PROGRAM: UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA | 4 AKTIVITI: |
| 5 OBJEKTIF AKTIVITI: | |
| 6 JAWATAN DIPOHON: | |

7 SKIM PERKHIDMATAN JAWATAN YANG DIPOHON:

a) Klasifikasi Perkhidmatan :

b) Bidang :

c) Skim Perkhidmatan :

d) Gred Gaji :

e) Kod Skim :

8 KEDUDUKAN JAWATAN :

BILANGAN JAWATAN SEMASA

| | Jawatan Sedia Ada | Jawatan Kosong | Jawatan Dipohon |
|---|---|---|---|
| Mengikut Agensi | | | |
| Mengikut Aktiviti | | | |

9 PERNAHKAH PERMOHONAN JAWATAN INI DIKEMUKAKAN KEPADA AGENSI PUSAT?

YA ☐ TIDAK ☐

CATATAN :

Maklumat untuk perkara 8 hendaklah mengikut jenis dan gred jawatan yang dipohon.

TARIKH :

10 SEBAB-SEBAB DAN ASAS-ASAS YANG DIGUNAKAN BAGI MENYOKONG KEPERLUAN JAWATAN INI.
(Kaikan dengan nilai kos kepada Badan Berkanun jika cadangan ini tidak dilaksanakan)

11 SENARAI TUGAS JAWATAN :

12 IMPLIKASI KEWANGAN :

| | OBJEKTIF SEBAGAI | JUMLAH PERBELANJAAN SEBULAN (RM) | JUMLAH PERBELANJAAN SETAHUN (RM) |
|---|---|---|---|
| 11000 | Gaji dan Upahan | 0 | 0 |
| 12000 | Elaun Tetap | 0 | 0 |
| 13000 | Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 0 | 0 |
| 14000 | Elaun Lebih Masa | 0 | 0 |
| 15000 | Faedah-faedah Kewangan Yang Lain | 0 | 0 |
| 16000 | Bayaran-bayaran Elaun Diraja | | |
| | JUMLAH | 0.00 | 0.00 |

16 .N JAWATANKUASA PERJAWATAN :

Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Perjawatan

Nama :

Tarikh :

Tandatangan Pegawai Pengawal

Tarikh :